

**Embargo sehingga jam 1200,
Jumaat, 4 Januari 2019**

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN NOVEMBER 2018 DAN TEMPOH JANUARI-NOVEMBER 2018 #

Lebihan Dagangan ke-21 Tahun Berturut-turut

Jumlah perdagangan Malaysia mencatatkan pertumbuhan kukuh pada November 2018, meningkat 3.2% kepada RM162.03 bilion berbanding bulan yang sama tahun lalu. Peningkatan dalam jumlah perdagangan dapat dilihat dengan ASEAN, Taiwan, Perancis, Hong Kong SAR, Arab Saudi, Republik Korea (ROK), Russia, India dan Qatar.

Eksport mencatatkan pertumbuhan 1.6% tahun ke tahun kepada RM84.79 bilion pada November 2018, manakala **import** meningkat 5% kepada RM77.24 bilion. Ini menghasilkan **lebihan dagangan** sebanyak RM7.55 bilion, menurun 24%. **Lebihan** ini merupakan **lebihan dagangan** yang ke-253 bulan berturut-turut sejak November 1997.

Bagi perbandingan bulan ke bulan, **jumlah perdagangan, eksport** dan **import** masing-masing merekodkan penurunan sebanyak 8.2%, 12% dan 3.5%. Lebihan dagangan berkurang sebanyak 53.7%.

Bagi tempoh 11 bulan pertama tahun 2018, jumlah perdagangan berkembang 6.2% kepada RM1.72 trilion berbanding tempoh yang sama tahun 2017. **Eksport** meningkat kepada RM914.67 bilion, naik 6.9% dan **import** berkembang 5.3% kepada RM805.12 bilion. **Lebihan dagangan** bagi tempoh ini mencatatkan peningkatan dua digit sebanyak 20.2% kepada RM109.55 bilion.

Prestasi Eksport Sektor Utama

Barangan Perkilangan & Hasil Galian Memacu Pertumbuhan Eksport

Eksport barang perkilangan pada November 2018 meningkat 2.2% tahun ke tahun kepada RM70.35 bilion dan merangkumi 83% daripada jumlah eksport Malaysia. Peningkatan ini disokong terutamanya oleh kenaikan eksport keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia, barangan optik dan saintifik serta barangan besi dan keluli yang mengimbangi penurunan eksport barangan elektrik dan elektronik (E&E). Barangan E&E menyusut sebanyak RM528.2 juta atau 1.7%, menurun buat pertama kali sejak Mac 2018.

Eksport hasil galian meningkat 16.1% kepada RM8.33 bilion, menyumbang 9.8% daripada jumlah eksport Malaysia pada November 2018. Peningkatan eksport telah direkodkan bagi gas asli cecair (LNG) dan petroleum mentah berikutan Nilai Unit Purata (AUV) yang tinggi.

Eksport keluaran pertanian yang merangkumi 6.6% daripada jumlah eksport menyusut 17.6% kepada RM5.56 bilion. Ini adalah disebabkan oleh pengurangan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, terutamanya minyak sawit, berikutan penurunan AUV.

Barangan eksport utama pada November 2018:

- Barangan E&E bernilai RM31.18 bilion, merangkumi 36.8% daripada jumlah eksport, menurun 1.7% berbanding November 2017;
- Keluaran petroleum, RM7.47 bilion, 8.8% daripada jumlah eksport, naik 41.2%;
- Kimia dan bahan kimia, RM5.03 bilion, 5.9% daripada jumlah eksport, bertambah 15.1%;
- LNG, RM4.56 bilion, 5.4% daripada jumlah eksport, meningkat 26.4%; dan
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, RM3.7 bilion, 4.4% daripada jumlah eksport, menurun 21.1%.

Berbanding Oktober 2018, eksport barang perkilangan menurun 13.1%, hasil galian, 4.2% lebih rendah dan keluaran pertanian menyusut 9%.

Bagi tempoh 11 bulan pertama tahun 2018, eksport barang perkilangan yang mewakili 83.7% daripada jumlah eksport berkembang 9.2% kepada RM765.78 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2017. Eksport yang lebih tinggi direkodkan bagi barang E&E, kimia dan bahan kimia, barang perkilangan logam, keluaran petroleum serta barang optik dan saintifik. Eksport hasil galian (syer 8.7%) meningkat 8% kepada RM79.41 bilion dipacu terutamanya oleh pertambahan eksport petroleum mentah. Manakala, eksport keluaran pertanian (syer 6.8%) berkurang 13.8% kepada RM62.23 bilion, berikutan penurunan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit serta getah asli.

Prestasi Perdagangan dengan Pasaran Utama

Eksport ke ASEAN Kekal Pertumbuhan Positif Bagi 6 Bulan Berturut-turut

Perdagangan dengan ASEAN pada November 2018 meningkat 4% tahun ke tahun kepada RM45.84 bilion dan merangkumi 28.3% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport berkembang 6.4% kepada RM26.17 bilion, disumbang oleh kenaikan eksport petroleum mentah, barang E&E dan keluaran petroleum. Ketigatiga barang ini menyumbang 56.1% kepada jumlah eksport Malaysia ke ASEAN. Import dari ASEAN naik 0.9% kepada RM19.67 bilion.

Pecahan eksport ke negara ASEAN pada November 2018:

- | | |
|-------------|--|
| • Singapura | RM 13.10 bilion, meningkat 7.1% |
| • Thailand | RM 4.75 bilion, ↑3.7% |
| • Viet Nam | RM 3.34 bilion, ↑39.0% |
| • Indonesia | RM 2.81 bilion, ↓13.2% |
| • Filipina | RM 1.48 bilion, ↓0.7% |
| • Myanmar | RM 370.5 juta, ↑10.3% |
| • Brunei | RM 189.4 juta, ↓1.7% |
| • Kemboja | RM 116.7 juta, ↑7.1% |
| • Lao PDR | RM 3.6 juta, ↓19.2% |

Eksport ke beberapa pasaran utama dalam ASEAN yang merekodkan peningkatan ketara adalah **Viet Nam** yang berkembang RM938.5 juta berikutan kenaikan eksport keluaran petroleum manakala **Singapura** (\uparrow RM872.2 juta) dan **Thailand** (\uparrow RM170.7 juta), disumbangkan oleh eksport yang lebih tinggi bagi petroleum mentah.

Bagi perbandingan bulan ke bulan, perdagangan dengan ASEAN merosot 6.1%. Eksport dan import masing-masing turut menurun 4.1% dan 8.6%.

Bagi tempoh 11 bulan pertama tahun 2018, perdagangan dengan ASEAN berkembang 4.6% kepada RM468.16 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2017. Eksport ke rantau ini meningkat 4.8% kepada RM261.97 bilion didorong oleh kenaikan eksport barang E&E, petroleum mentah, barangan perkilangan logam, kimia dan bahan kimia serta kelengkapan pengangkutan. Import naik 4.4% kepada RM206.2 bilion.

Eksport ke China Terus Berkembang

Perdagangan dengan China yang merangkumi 16.4% daripada jumlah perdagangan Malaysia menurun 0.2% tahun ke tahun kepada RM26.51 bilion pada November 2018. Eksport ke China meningkat 3.9% kepada RM11.65 bilion, berikutan kenaikan eksport kimia dan bahan kimia, keluaran petroleum serta LNG. Import dari China menyusut 3.3% kepada RM14.85 bilion.

Berbanding Oktober 2018, jumlah perdagangan dan eksport masing-masing menurun 10.8% dan 22.9%, manakala import naik 1.8%.

Perdagangan dengan China bagi tempoh 11 bulan pertama 2018 berkembang 8.5% kepada RM286.86 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Bagi tempoh ini, eksport ke China mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 11.3% kepada RM127.4 bilion, didorong oleh kenaikan eksport kimia dan bahan kimia, barang E&E, LNG, barangan perkilangan logam serta barangan optik dan saintifik. Import dari China naik 6.3% kepada RM159.46 bilion.

Prestasi Perdagangan dengan EU Sederhana

Perdagangan Malaysia dengan Kesatuan Eropah (EU) pada November 2018 berjumlah RM15.37 bilion atau merangkumi 9.5% daripada jumlah perdagangan Malaysia, meningkat 1% berbanding November 2017. Eksport menurun 7.7% kepada RM7.52 bilion, disebabkan oleh penurunan eksport barang E&E. Walau bagaimanapun, kenaikan eksport dicatatkan bagi barang perkilangan berasaskan minyak sawit, kimia dan bahan kimia, barang optik dan saintifik, jentera, kelengkapan dan peralatan serta kelengkapan pengangkutan. Import dari EU meningkat 10.9% kepada RM7.85 bilion.

Di antara 10 pasaran utama yang merangkumi 90.8% daripada jumlah eksport Malaysia ke EU, hanya 3 negara yang mencatatkan peningkatan iaitu Sepanyol (\uparrow 81.2%), Itali (\uparrow 38.2%) dan Poland (\uparrow 16.2%).

Bagi perbandingan bulan ke bulan, perdagangan dengan EU menurun 2.6%. Eksport 12.1% lebih rendah, manakala import meningkat 8.7%.

Bagi tempoh Januari-November 2018, perdagangan dengan EU meningkat 7.2% kepada RM168.68 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Eksport meningkat 4.3% kepada RM90.66 bilion, didorong oleh pertambahan eksport ke Jerman, Itali dan Sepanyol. Kenaikan eksport disumbangkan oleh eksport yang lebih tinggi bagi barang perkilangan logam, kimia dan bahan kimia, keluaran getah serta barang besi dan keluli. Import dari EU meningkat 10.7% kepada RM78.02 bilion.

Perdagangan dengan AS - Pertumbuhan Positif sejak Julai 2018

Perdagangan Malaysia dengan Amerika Syarikat (AS) pada November 2018 merekodkan pertumbuhan marginal sebanyak 0.7% kepada RM12.77 bilion dan merangkumi 7.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport ke AS bernilai RM7.28 bilion, menurun 3.6% berikutan permintaan yang perlahan bagi barang perkilangan terutamanya barang E&E. Barang E&E menyumbang 51.3% kepada jumlah eksport Malaysia ke AS. Import tumbuh 7.1% kepada RM5.49 bilion.

Berbanding Oktober 2018, perdagangan, eksport dan import masing-masing menurun 11.7%, 15.7% dan 5.8%.

Bagi tempoh Januari-November 2018, perdagangan dengan AS bernilai RM141.97 bilion, meningkat secara marginal sebanyak 0.1% berbanding tempoh yang sama tahun 2017. Eksport ke AS naik 1.3% kepada RM82.78 bilion disokong oleh kenaikan eksport barang optik dan saintifik, kelengkapan pengangkutan, barang perkilangan logam, jentera, kelengkapan dan peralatan serta keluaran getah. Import dari AS menyusut 1.6% kepada RM59.19 bilion.

Perdagangan dengan Jepun Perlahan pada November 2018

Pada November 2018, perdagangan dengan Jepun yang merangkumi 7% daripada jumlah perdagangan Malaysia merekodkan penurunan 5.2% tahun ke tahun kepada RM11.41 bilion. Eksport ke Jepun menurun 8.9% kepada RM5.92 bilion, disumbangkan terutamanya oleh eksport yang lebih rendah bagi LNG dan petroleum mentah, serta permintaan yang perlahan bagi barang perkilangan, iaitu barang E&E, barang perkilangan logam, barang optik dan saintifik, barang besi dan keluli serta barang perkilangan berasaskan minyak sawit. Import dari Jepun berkang 0.9% kepada RM5.49 bilion.

Bagi perbandingan bulan ke bulan, perdagangan dan eksport masing-masing menurun 5.6% dan 10.4%, manakala import meningkat 0.3%.

Bagi tempoh 11 bulan pertama tahun 2018, perdagangan dengan Jepun bernilai RM121.13 bilion, berkang 4.8% berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Eksport ke Jepun bernilai RM62.98 bilion, menurun 8.9% disebabkan oleh pengurangan eksport LNG dan barang E&E. Walau bagaimanapun, pertumbuhan eksport direkodkan bagi kimia dan bahan kimia, barang perkilangan logam, barang besi dan keluli serta keluaran petroleum. Import dari Jepun menurun 0.1% kepada RM58.15 bilion.

Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA

Pada November 2018, perdagangan dengan rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang merangkumi 63.5% daripada jumlah perdagangan Malaysia mencatatkan peningkatan 1.4% kepada RM102.96 bilion. Eksport ke negara rakan dagang FTA bertambah 1% kepada RM54.21 bilion, disokong oleh kenaikan eksport ke negara-negara Asia terutamanya Viet Nam, Singapura, China, Thailand, Myanmar dan Kemboja. Secara kolektifnya, negara-negara ini menyumbang 61.6% kepada jumlah eksport Malaysia ke negara rakan dagang FTA. Import berkembang 1.7% kepada RM48.75 bilion.

Berbanding Oktober 2018, perdagangan dengan FTA menurun 7.7%. Eksport dan import masing-masing turut menurun sebanyak 10.4% dan 4.5%.

Perdagangan dengan rakan dagang FTA bagi 11 bulan pertama 2018 yang merangkumi 62.4% daripada jumlah perdagangan Malaysia meningkat 4.1% kepada RM1.073 trilion. Eksport bernilai RM563.56 bilion, naik 4.4% dan import berjumlah RM509.47 bilion, berkembang 3.7%.

Pasaran Lain yang Mencatatkan Peningkatan Eksport

Pada November 2018, **antara pasaran lain yang mencatatkan peningkatan eksport yang ketara adalah Taiwan dan Hong Kong SAR**. Eksport ke **Taiwan** merekodkan pertumbuhan kukuh sebanyak 54.4% tahun ke tahun kepada RM3.06 bilion, didorong terutamanya oleh eksport yang lebih tinggi bagi LNG. Eksport ke **Hong Kong SAR** meningkat sebanyak 17.4% kepada RM5.93 bilion, disumbangkan oleh peningkatan eksport barang E&E serta keluaran petroleum.

Prestasi Import

Pada bulan November 2018, **import naik 5% tahun ke tahun kepada RM77.24 bilion**. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir yang merangkumi 74.2% daripada jumlah keseluruhan import adalah:

- **Barang pengantara**, berjumlah RM40.25 bilion atau 52.1% daripada jumlah import, menurun 0.3%, berikutan penyusutan import alat ganti dan aksesori barang modal (kecuali kelengkapan pengangkutan), terutamanya jentera, kelengkapan dan peralatan elektrik;
- **Barang modal**, bernilai RM10.49 bilion atau 13.6% daripada jumlah import, meningkat 0.4%, berikutan kenaikan import kelengkapan pengangkutan bagi kegunaan industri khasnya kapal terbang; dan
- **Barang penggunaan**, berjumlah RM6.61 billion atau 8.6% daripada jumlah import, naik 0.9%, hasil kenaikan import bahan tahan lama (*durables*), terutamanya barang kemas.

Bagi tempoh Januari-November 2018, import bernilai RM805.12 bilion, berkembang 5.3% berbanding tempoh yang sama tahun 2017. **Barang pengantara** bernilai RM420.79 bilion, menurun 4.5%, **barang modal** (RM102.61 bilion, ↓0.8%) dan **barang penggunaan** (RM66.19 bilion, ↑2.1%).

Nota:

Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barangang untuk perhitungan imbangan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barangang fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbangan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barangang didefinisikan sebagai “barangang fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran”.

Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan “PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN” yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1200, Jumaat, 4 Januari 2019 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-ortalx/ep/epLogin.seam>).

- + Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).

- # Data bulan November 2018 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.

Mulai bulan rujukan April 2018, pemilihan kod untuk eksport dan import bagi minyak sawit dan keluaran berasaskan minyak sawit telah dikaji semula serta dikemaskini untuk lebih mewakili barangang tersebut, dan ini telah menyebabkan sedikit perubahan pada data.

| Tahun/ Tempoh | Jumlah Eksport (RM Juta) | Jumlah Import (RM Juta) | Jumlah Perdagangan (RM Juta) | Imbangan Perdagangan (RM Juta) |
|---------------------------------------|--------------------------------|-------------------------------|------------------------------------|--------------------------------------|
| 2017^f | | | | |
| Januari | 70,309.4 | 65,439.6 | 135,749.0 | 4,869.8 |
| Februari | 71,979.3 | 63,058.5 | 135,037.8 | 8,920.8 |
| Mac | 82,890.9 | 77,240.3 | 160,131.2 | 5,650.6 |
| April | 74,243.4 | 65,210.7 | 139,454.2 | 9,032.7 |
| Mei | 79,216.0 | 72,973.4 | 152,189.4 | 6,242.6 |
| Jun | 72,823.6 | 62,627.4 | 135,451.0 | 10,196.2 |
| Julai | 78,747.8 | 70,589.6 | 149,337.4 | 8,158.3 |
| Ogos | 82,024.8 | 72,113.0 | 154,137.9 | 9,911.8 |
| September | 77,861.5 | 69,650.4 | 147,511.9 | 8,211.1 |
| Oktober | 81,862.2 | 71,851.1 | 153,713.3 | 10,011.1 |
| November | 83,485.9 | 73,551.9 | 157,037.8 | 9,934.1 |
| Disember | 79,482.0 | 72,116.3 | 151,598.2 | 7,365.7 |
| 2017 (Jan-Dis)^f | 934,926.8 | 836,422.2 | 1,771,349.0 | 98,504.6 |
| 2018^p | | | | |
| Januari | 82,820.1 | 73,152.8 | 155,972.8 | 9,667.3 |
| Februari | 70,342.6 | 61,325.0 | 131,667.5 | 9,017.6 |
| Mac | 84,467.0 | 69,778.7 | 154,245.7 | 14,688.3 |
| April | 84,246.7 | 71,225.2 | 155,472.0 | 13,021.5 |
| Mei | 82,110.4 | 73,993.6 | 156,104.0 | 8,116.8 |
| Jun | 78,610.8 | 72,609.9 | 151,220.7 | 6,000.9 |
| Julai | 86,154.4 | 77,827.4 | 163,981.8 | 8,327.0 |
| Ogos | 81,810.2 | 80,197.1 | 162,007.3 | 1,613.1 |
| September | 82,953.0 | 67,720.0 | 150,673.0 | 15,233.0 |
| Oktober | 96,363.9 | 80,050.5 | 176,414.4 | 16,313.4 |
| November | 84,791.7 | 77,237.4 | 162,029.1 | 7,554.2 |
| 2017 (Jan-Nov)^f | 855,444.8 | 764,305.9 | 1,619,750.8 | 91,138.9 |
| 2018 (Jan-Nov)^p | 914,670.7 | 805,117.6 | 1,719,788.3 | 109,553.1 |

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.

JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT

| Barangan | Nov 2018 ^p | Okt 2018 ^p | Nov 2017 ^f |
|---|--------------------------|--------------------------|--------------------------|
| | RM Juta | RM Juta | RM Juta |
| Jumlah Eksport | 84,791.7 | 96,363.9 | 83,485.9 |
| Barangan Elektrik & Elektronik | 31,179.2 | 38,377.7 | 31,707.4 |
| Keluaran Petroleum | 7,468.3 | 8,132.3 | 5,289.6 |
| Kimia & Bahan Kimia | 5,032.7 | 5,676.8 | 4,374.0 |
| LNG | 4,562.0 | 4,069.9 | 3,608.9 |
| Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit | 3,703.5 | 4,119.6 | 4,694.4 |
| Barangan Perkilangan Logam | 3,537.2 | 4,379.3 | 3,665.0 |
| Jentera, Kelengkapan & Peralatan | 3,323.2 | 3,325.1 | 3,337.1 |
| Barangan Optik & Saintifik | 3,176.6 | 3,395.5 | 2,875.2 |
| Petroleum Mentah | 2,863.9 | 3,791.7 | 2,433.5 |
| Keluaran Getah | 2,259.6 | 2,397.9 | 2,321.2 |

JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT

| Pasaran | Nov 2018 ^p | Okt 2018 ^p | Nov 2017 ^f |
|-----------------------|--------------------------|--------------------------|--------------------------|
| | RM Juta | RM Juta | RM Juta |
| Jumlah Eksport | 84,791.7 | 96,363.9 | 83,485.9 |
| Singapura | 13,103.5 | 13,372.6 | 12,231.2 |
| China | 11,652.4 | 15,116.8 | 11,217.0 |
| AS | 7,280.0 | 8,636.6 | 7,555.6 |
| Hong Kong SAR | 5,930.1 | 7,322.5 | 5,053.3 |
| Jepun | 5,918.9 | 6,607.4 | 6,496.3 |
| Thailand | 4,749.5 | 5,891.2 | 4,578.8 |
| ROK | 3,554.3 | 2,994.9 | 3,559.8 |
| Viet Nam | 3,342.9 | 3,093.2 | 2,404.5 |
| Taiwan | 3,055.8 | 3,736.0 | 1,979.6 |
| Australia | 2,836.9 | 3,942.4 | 3,303.7 |

JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-NOVEMBER)

| Barangan | Jan-Nov 2018 ^p | Jan-Nov 2017 ^f |
|-----------------------------------|------------------------------|------------------------------|
| | RM Juta | RM Juta |
| Jumlah Eksport | 914,670.7 | 855,444.8 |
| Barangan Elektrik & Elektronik | 348,002.9 | 314,331.9 |
| Keluaran Petroleum | 71,392.4 | 65,687.9 |
| Kimia & Bahan Kimia | 52,366.8 | 43,217.4 |
| Minyak Sawit & Keluaran Pertanian | | |
| Berasaskan Minyak Sawit | 41,745.3 | 49,958.7 |
| Barangan Perkilangan Logam | 41,432.5 | 34,511.4 |
| Jentera, Kelengkapan & Peralatan | 37,253.8 | 36,996.4 |
| LNG | 36,017.5 | 37,184.4 |
| Petroleum Mentah | 33,380.4 | 25,543.9 |
| Barangan Optik & Saintifik | 33,085.9 | 29,562.7 |
| Keluaran Getah | 24,172.5 | 24,172.7 |

JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI- NOVEMBER)

| Pasaran | Jan-Nov 2018 ^p | Jan-Nov 2017 ^f |
|-----------------------|------------------------------|------------------------------|
| | RM Juta | RM Juta |
| Jumlah Eksport | 914,670.7 | 855,444.8 |
| China | 127,399.3 | 114,415.0 |
| Singapura | 127,244.1 | 125,047.2 |
| AS | 82,784.7 | 81,740.1 |
| Hong Kong SAR | 68,093.6 | 42,545.4 |
| Jepun | 62,980.0 | 69,098.9 |
| Thailand | 52,331.1 | 46,467.4 |
| India | 33,177.4 | 31,933.4 |
| Viet Nam | 31,331.9 | 24,858.3 |
| ROK | 30,706.5 | 25,344.2 |
| Australia | 30,342.8 | 29,858.3 |

JADUAL 6: BARANGAN UTAMA IMPORT

| Barangan | Nov 2018 ^p | Okt 2018 ^p | Nov 2017 ^f |
|----------------------------------|--------------------------|--------------------------|--------------------------|
| | RM Juta | RM Juta | RM Juta |
| Jumlah Import | 77,237.4 | 80,050.5 | 73,551.9 |
| Barangan Elektrik & Elektronik | 22,038.2 | 23,619.4 | 22,463.3 |
| Keluaran Petroleum | 9,830.1 | 9,358.8 | 6,670.0 |
| Kimia & Bahan Kimia | 7,045.0 | 7,712.2 | 6,503.6 |
| Jentera, Kelengkapan & Peralatan | 6,169.2 | 6,242.2 | 7,311.4 |
| Kelengkapan Pengangkutan | 4,347.9 | 3,573.0 | 3,057.5 |
| Barangan Perkilangan Logam | 4,028.0 | 4,250.6 | 4,052.2 |
| Barangan Besi & Keluli | 2,663.2 | 2,441.0 | 2,535.3 |
| Barangan Optik & Saintifik | 1,937.3 | 2,050.3 | 2,066.3 |
| Barangan Makanan Diproses | 1,780.2 | 1,800.7 | 1,846.1 |
| Petroleum Mentah | 1,465.7 | 2,341.5 | 1,408.9 |

JADUAL 7: PASARAN UTAMA IMPORT

| Pasaran | Nov 2018 ^p | Okt 2018 ^p | Nov 2017 ^f |
|----------------------|--------------------------|--------------------------|--------------------------|
| | RM Juta | RM Juta | RM Juta |
| Jumlah Import | 77,237.4 | 80,050.5 | 73,551.9 |
| China | 14,853.6 | 14,594.3 | 15,353.1 |
| Singapura | 9,187.7 | 10,173.4 | 8,842.2 |
| Jepun | 5,492.3 | 5,475.6 | 5,544.2 |
| AS | 5,486.1 | 5,821.8 | 5,123.7 |
| Taiwan | 5,397.2 | 6,234.6 | 4,987.8 |
| Thailand | 4,187.5 | 4,086.2 | 4,183.5 |
| Indonesia | 3,717.3 | 4,177.1 | 3,476.9 |
| ROK | 3,467.1 | 3,840.5 | 3,010.3 |
| India | 2,797.9 | 2,933.1 | 2,427.7 |
| Jerman | 2,313.8 | 2,387.2 | 2,590.7 |

JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI-NOVEMBER)

| Barangan | Jan-Nov 2018 ^p | Jan-Nov 2017 ^f |
|----------------------------------|------------------------------|------------------------------|
| | RM Juta | RM Juta |
| Jumlah Import | 805,117.6 | 764,305.9 |
| Barangan Elektrik & Elektronik | 239,698.6 | 231,487.5 |
| Keluaran Petroleum | 79,899.4 | 69,617.5 |
| Kimia & Bahan Kimia | 75,785.5 | 68,315.5 |
| Jentera, Kelengkapan & Peralatan | 67,418.4 | 71,938.5 |
| Barangan Perkilangan Logam | 42,106.4 | 39,894.2 |
| Kelengkapan Pengangkutan | 41,854.3 | 35,655.6 |
| Barangan Besi & Keluli | 28,580.1 | 25,153.5 |
| Barangan Optik & Saintifik | 21,310.8 | 22,876.9 |
| Petroleum Mentah | 19,755.5 | 14,624.4 |
| Barangan Makanan Diproses | 18,096.0 | 19,023.9 |

JADUAL 9: PASARAN UTAMA IMPORT (JANUARI-NOVEMBER)

| Pasaran | Jan-Nov 2018 ^p | Jan-Nov 2017 ^f |
|----------------------|------------------------------|------------------------------|
| | RM Juta | RM Juta |
| Jumlah Import | 805,117.6 | 764,305.9 |
| China | 159,459.0 | 149,945.4 |
| Singapura | 95,261.5 | 84,979.5 |
| AS | 59,189.6 | 60,136.0 |
| Taiwan | 58,402.7 | 50,092.4 |
| Jepun | 58,150.3 | 58,188.8 |
| Thailand | 44,446.0 | 44,078.7 |
| Indonesia | 37,174.6 | 34,989.5 |
| ROK | 35,808.7 | 36,548.7 |
| Jerman | 24,264.2 | 24,263.5 |
| India | 24,184.8 | 24,625.9 |

Sumber : Jabatan Perangkaan, Malaysia

Disediakan oleh: MATRADE

Nota:

p - data provisional

f – data muktamad

CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2012 - NOVEMBER 2018